

25 syarikat perniagaan ditubuh pelajar sekolah menengah di Sabah

**OLEH
YATIM TAUBATAL ANDAM**

KOTA KINABALU: Sebanyak 25 syarikat perniagaan ditubuhkan pelajar sekolah menengah di negeri ini pada tahun lepas, kata Pengerusi Sedcovest Holdings Sdn Bhd, Datuk Dr Yusof Yacob.

Menurutnya, ia membabitkan 625 pelajar dan 50 guru pengelola daripada 25 sekolah menengah yang dibimbing oleh 17 pegawai daripada pelbagai syarikat dan agensi keusahawanan.

Katanya, selain dibimbing oleh pegawai syarikat Kumpulan Sedco, pegawai agensi lain yang terbabit ialah Majlis Amanah Rakyat (Mara), Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), serta Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DPBS), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Dewan Perniagaan dan Industri Kadazan-dusun (KCCI).

Beliau berkata, Program Usahawan Muda (PUM) membabitkan golongan pelajar terpilih dilaksanakan antara Kementerian Pembangunan Usahawan Malaysia dengan Kementerian Pendidikan yang diperkenalkan di negeri ini sejak 1997.

"Matlamat utama program untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah supaya mereka memilih bidang ini selepas menamatkan alam persekolahan," katanya.

Beliau berucap pada Konvensyen PUM 2002/2003 di Dewan Kuliah Pusat, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Teluk Likas, kelmarin.

Konvensyen itu dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Perindustrian negeri Datuk Wances Anggang yang diwakili oleh pembantunya Samsu Baharun Abd Rahman.

Dr Yusof berkata, sebagai sekretariat program ini, Sedcovest dengan kerjasama agensi terbabit serta Jabatan pendidikan dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

"Untuk memastikan syarikat sekolah dan ahlinya mengamalkan corak perniagaan yang beretika serta berupaya menjadi 'role model' kepada syarikat usahawan muda yang lain,

semua pegawai pembimbing dari syarikat berkenaan menjadi bapa angkat kepada sekolah terbabit," katanya.

Beliau berkata, pendekatan menganak angkat syarikat sekolah adalah yang pertama di negara ini dan pihak kementerian serta agensi di semenanjung akan contoh pendekatan ini kelak.

Dalam hubungan ini, beliau meminta pihak pengurusan agensi terbabit supaya terus memberikan sokongan dan kerjasama menyeluruh untuk memastikan kejayaan berterusan syarikat sekolah berkenaan.

"Ini termasuk memberi pelepasan kepada pegawai pembimbing yang terbabit dalam program ini untuk melawat atau memantau operasi syarikat di bawah jagaan masing-masing," katanya.

Selain pembimbing daripada syarikat, katanya pembabitan guru sekolah juga penting seperti melihat potensi pelajar yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah syarikat, membimbing, menghadiri perjumpaan mingguan, latihan serta mengamalkan perniagaan sebenar melalui 'Train Of Trainers'.

"Walaupun program ini adalah tambahan kepada kurikulum sekolah yang sedia ada, kami berharap ia tidak menjejaskan pelajar yang mana memerlukan penelitian guru supaya pemilihan pelajar adalah tepat," tegasnya.

Da;am hubungan ini, beliau berharap lebih banyak syarikat swasta menjadi pembimbing selain syarikat Kumpulan Sedco serta agensi kerajaan supaya mengambil beberapa sekolah untuk dijadikan anak angkat.

Katanya, ini untuk mengembangkan program ini kerana ia juga dapat membantu membangunkan ekonomi negara.

Sementara itu, beliau juga berkata pada tahun lepas, dua sekolah menengah kerajaan (SMK) Teknik Keningau, manakala SMK Kinarut, Papar, memenangi tempat kedua kategori produk kreatif pada pertandingan konvensyen peringkat kebangsaan dan menerima hadiah RM12,000 daripada Kementerian Pembangunan Usahawan.

Beliau berharap, lebih banyak lagi sekolah menengah di kalangan 25 syarikat sekolah di negeri ini akan memenangi pertandingan yang diadakan di peringkat kebangsaan, kelak.